

---

*Linggi Pada Zaman Awal  
 Pemerintahan Inggeris*

LINGGI DALAM KRISIS DATUK KELANA-SYAHBANDAR



UNGGUHPUN mengikut surat Datuk Kelana kepada Pemangku Setiausaha Hal Ehwal Tanah Jajahan Negeri-negeri Selat bahawa Datuk Syahbandar Kulup Tunggal telah mahu bekerjasama dengannya, tetapi pada kenyataannya, antara mereka berdua masih berlaku pergeseran. Dari segi ekonomi, kedudukan Kulup Tunggal lebih kukuh daripada Syed Ahman (Khoo Kay Kim, 1968:43). Di samping kedudukan kewangan yang kuat, Kulup Tunggal juga berpengaruh di Sungai Ujong, dan mempunyai hubungan perniagaan yang lebih rapat dengan para pedagang di Melaka. Justeru itu, pengaruh Kulup Tunggal di Sungai Ujong menjadi semakin penting, dan ekoran daripada kedudukannya itu, beliau pasti akan menjadi ancaman kepada kedudukan politik Syed Ahman.

Selain faktor dalaman, faktor luaran juga memainkan peranan dalam menyebabkan meletusnya konflik antara kedua-dua orang pemberesar itu. Pada sekitar akhir bulan Ogos, Raja Mahadi dan Raja Mahmud telah diusir keluar dari Selangor oleh Tunku Kudin. Mereka telah lari ke Sungai Ujong dan mendapat perlindungan daripada Datuk Syahbandar Kulup Tunggal.<sup>1</sup> Mengikut Parkinson (1964:172) mereka telah mempengaruhi Kulup Tunggal yang telah tua itu (berumur kira-kira 80 tahun) untuk mengambil sikap lebih agresif. Di samping bersifat agresif Kulup Tunggal ialah seorang yang anti Inggeris (Cowan, 1961:208). Sikap anti Inggeris ini telah digunakan sepenuhnya untuk menambah bilangan pengikutnya yang telah sedia ramaи jumlahnya. Beliau telah mengisyiharkan kepada rakyat bahawa Datuk Kelana telah menjualkan negeri Sungai Ujong kepada Inggeris (Parkinson, 1964:172). Kekuatan dan kewibawaan Kulup Tunggal semakin meningkat dengan kehadiran pahlawan besar Selangor, Raja Mahmud, di pihaknya. Kehadiran Raja Mahmud sahaja sudah cukup untuk menakutkan seterusnya Datuk Syahbandar Kulup Tunggal (Cowan, 1961:208).

Atas permintaan Syed Ahman yang seringkali membangkitkan kema-

rahan Kulup Tinggal,<sup>2</sup> pihak Inggeris telah menghantar Pickering untuk memulihkan suasana.<sup>3</sup> Pickering berjaya menghalang orang Cina daripada masuk campur tetapi gagal menahan kedua-dua orang pembesar Sungai Ujong itu daripada berperang. Perang saudara ini telah dimulakan oleh Syed Ahman, walaupun Kulup Tunggal yang sering diprovokasi. Kubu-kubu Kulup Tunggal di Rasah dan Rahang telah diserang, dan pada 16 November kubu-kubu tersebut telah ditawan (Cowan, 1961:204).

Dalam pertelingkahan ini Mohamad Farghal, sebagai sekutu Syed Ahman, secara tidak langsung telah terlibat sama. Beliau telah diminta oleh Syed Ahman memberi bantuan senjata semasa membuat persediaan untuk menyerang Kulup Tunggal. Berikutan dengan permintaan ini beliau telah menghantar bantuan sebanyak empat atau lima kali dalam tempoh masa tiga atau empat hari, iaitu antara 14 hingga 17 November. Mohamad Farghal memberikan bantuan tersebut atas dasar kerjaya baru yang ditugaskan kepadanya oleh Datuk Kelana, selepas menandatangani Perjanjian Sungai Ujong 1874. Kerjaya yang dimaksudkan ialah memungut cukai ke atas dagangan yang lalu lintas di Sungai Linggi. Mohamad Farghal kini, sebagai seorang bawahan Datuk Kelana telah menjalankan tugas itu bagi pihak Datuk Kelana Syed Ahman dan bukan lagi untuk dirinya sendiri atau bagi Linggi. Tugas ini telah dilaksanakan dengan baik. Ini terbukti dengan adanya penyata kewangan yang dibuat sendiri oleh Mohamad Farghal bagi tahun-tahun 1292, 1293 dan 1294 Hijrah,<sup>4</sup> bersamaan Tahun Masihi 1875, 1876 dan 1877.<sup>5</sup> Jumlah hasil yang dapat dikumpulkan dalam tempoh tiga tahun itu ialah \$20,516.14  $\frac{1}{2}$  (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:79).

Pada 17 November Mohamad Farghal tidak dapat lagi menghantar bantuan kerana Syed Ahman telah dikepung oleh Kulup Tunggal di balainya di Ampangan, dan tiada siapa pun yang berani dan sanggup membawanya ke Sungai Ujong. Akibat kegagalannya menghantar bantuan itu, pada tarikh itu juga Mohamad Farghal telah menghantar laporan kepada Leftenan Gabenor Melaka. Dalam surat itu, dijelaskan sebab beliau gagal memenuhi kehendak Syed Ahman yang terakhir. Beliau juga memaklumkan bahawa sebelum tarikh itu, iaitu antara 14 hingga 17 November, bantuan telah diberi seperti diminta. Di samping itu beliau juga mengingatkan pihak berkuasa Melaka bahawa jika konflik itu berterusan dan tidak dibanteras, orang Cina di Sungai Ujong akan lari dan ini akan mendatangkan kerugian kepada para pedagang.

Dengan meneliti isi surat Mohamad Farghal ini beberapa rumusan boleh diutarakan tentang sikap dan pendiriannya. Antara lain ialah:

1. Kedudukan Mohamad Farghal sebagai Datuk Muda Linggi adalah lemah dan sangat bergantung kepada pihak British untuk kekal ‘berkuasa’. Beliau takut Inggeris akan menaruh sikap buruk sangka terhadapnya dalam menangani krisis Syed Ahman itu. Surat itu adalah sebagai tanda bukti kepada Inggeris bahawa beliau tetap menyokong

- dan membantu Syed Ahman dalam pertelingkahan itu dan sekali gus menghilangkan buruk sangka Inggeris terhadapnya.
2. Mohamad Farghal juga sangat mementingkan diri sendiri. Frasa yang menyatakan bahawa ‘orang Cina (di Sungai Ujong) akan lari, dan ini akan mendatangkan kerugian kepada pedagang-pedagang’, dari satu segi, beliau inginkan pihak British membanteras keadaan anarki yang wujud itu; tetapi dari segi lain, frasa ini juga secara tidak langsung ber maksud, beliau juga ingin menjaga kepentingannya, iaitu kerjaya barunya sebagai agen pemungut tol di Sungai Linggi. Tegasnya, kerugian akibat konflik yang berpanjangan itu, bukan sahaja ditanggung oleh para pedagang tetapi juga oleh Mohamad Farghal sendiri.

Dengan bantuan Inggeris, pada awal bulan Disember perang saudara di Sungai Ujong itu berakhir dengan kekalahan di pihak Datuk Syahbandar Kulup Tunggal. Beliau bersama dengan pembantu kuatnya, Raja Mahmud telah berundur ke Selangor dan akhirnya menyerah diri kepada Clarke di Singapura.<sup>6</sup> Syed Ahman, dengan itu menjadi pemerintah tunggal dan yang tidak dipertikaikan lagi di Sungai Ujong. Untuk memastikan kewibawaan Datuk Kelana tidak tercabar, Kapten Tatham telah diletakkan di sana sebagai Pembantu Residen untuk menasihati Datuk Kelana (Cowan, 1961:212; Parkinson, 1964:180). Perhubungan Datuk Kelana Syed Ahman dan Datuk Muda Mohamad Farghal dengan Tatham adalah baik. Kedua-dua orang pembesar Melayu itu berpuas hati dengan aturan-aturan baru yang dibuat oleh Inggeris (Cowan, 1961:213).

#### LINGGI DALAM PERANG BUKIT PUTUS

Selepas Datuk Kelana berkuasa ‘penuh’ di Sungai Ujong, keadaan di sekitar Sungai Linggi beransur baik. Bagaimanapun dalam tahun berikutnya, Datuk Kelana Syed Ahman telah terlibat dalam satu krisis lain yang dalam sejarah Negeri Sembilan dikenali sebagai ‘Perang Bukit Putus’ atau ‘Perang Tunku Antah’.<sup>7</sup> Perang ini telah melibatkan hampir kesemua pembesar Negeri Sembilan, sama ada secara langsung atau tidak. Setakat yang di temui tidak ada data sejarah yang menyatakan tentang penglibatan Datuk Muda Linggi dalam perang 1875 ini. Semasa perperangan ini berlaku, Datuk Muda Linggi telah meneruskan kerjayanya sebagai yang ditugaskan oleh Datuk Kelana dengan persetujuan pihak Inggeris, memungut cukai dagangan di Simpang. Fungsi Datuk Muda Linggi berkaitan dengan kerjaya nyira ini adalah sama seperti semasa Perang Kelana-Syahbandar 1874, iaitu memberi bantuan material (senjata dan bahan-bahan lain yang berkaitan) kepada Datuk Kelana.

Perang ini tidak banyak melibatkan Sungai Linggi. Hampir semua pergerakan tentera Inggeris dari Melaka ke Sungai Ujong adalah melalui Lukut. Dengan demikian perjalanan perdagangan di Sungai Linggi tidak

## SEJARAH LINGGI

terjejas. Keadaan ‘aman’ di Sungai Linggi secara tidak langsung banyak memberi bakti kepada pembiayaan perang bagi pihak Datuk Kelana; di samping tidak merunsingkan pihak Inggeris tentang adanya tekanan daripada para pedagang di Melaka yang berkepentingan di sungai tersebut dan di pekan Linggi sendiri. Namun demikian masih terdapat beberapa masalah terutama sekali daripada pihak Inggeris dalam menjalankan tugas ‘menjaga’ keamanan di sungai tersebut, yang berkaitan dengan Simpang.

### LINGGI ‘BEREMAK KE BANDAR’

Masalah yang harus dihadapi oleh Inggeris ialah tentang hak milik ke atas kawasan Simpang. Sebagai dinyatakan, berbagai-bagai pihak menuntut hak ke atas kawasan tersebut. Menjelang tahun 1876 hanya dua buah kuasa sahaja yang masih mengakui mempunyai hak ke atasnya, iaitu Sungai Ujong dan Rembau. Seandainya masalah ini tidak dapat diselesaikan, ia akan terus menjadi duri dalam daging kepada Inggeris, khususnya dalam kegiatan pemungutan cukai dagangan dan tindakan ‘gerakan ke depan’ mereka untuk ‘menaungi’ negeri-negeri kecil di sekitar Sungai Linggi.

Masalah Simpang, dalam keadaan yang wujud pada sekitar tahun 1876 adalah sensitif kerana jika tersalah langkah ia boleh mencetuskan pergolakan yang lebih serius. Oleh sebab Datuk Kelana Sungai Ujong telah pun tunduk dan terhutang budi kepada Inggeris, dia tidak menimbulkan masalah lagi. Dengan demikian, melalui satu perjanjian yang ditandatangani pada 31 Mei 1877, Datuk Kelana Syed Ahman telah menyerahkan ‘bahagian’ tanahnya di kawasan Simpang seluas 94 ekar 1 rod 4 pol kepada Inggeris.<sup>8</sup>

Dalam kes Simpang, yang menjadi masalah ialah Haji Sahil, iaitu Penghulu Rembau. Beliau ialah seorang yang agresif serta anti Inggeris. Berikutan dengan Perjanjian Sungai Ujong 1724 dan dengan ‘tergelincirnya’ kedudukan Linggi daripada status semi merdeka kepada ‘dinaungi’ oleh Sungai Ujong, Linggi tidak lagi menghantar ‘anugerah tahunan’ ke Rembau, ‘ibunya’. Ini membangkitkan kemarahan Haji Sahil. Beliau telah datang ke Linggi dengan satu angkatan perang yang ramai dalam tahun 1877 dan terus mengepung rumah Datuk Muda Mohamad Farghal. Tujuan Haji Sahil berbuat demikian ialah menuntut pembayaran ‘anugerah tahunan’ Rembau daripada hasil cukai yang dipungut di Sungai Linggi. Peperangan dapat dielakkan dengan kebijaksanaan Datuk Panglima Ngah Zakaria. Beliau telah berjaya memujuk Haji Sahil dengan ‘jalan persaudaraan dan pemberian sagu hati’ (Mohamad Ali bin Haji Abdul Aziz, 1960:19). Haji Sahil telah berpuas hati dan beliau pun balik ke Rembau. Akan tetapi kepada orang Linggi perbuatan Haji Sahil itu dianggap sebagai membunuh ‘anak’. Dengan itu mereka telah memutuskan ikatan Linggi dengan Rembau dan

#### LINGGI PADA ZAMAN AWAL PEMERINTAHAN INGGERIS

Lingga pun mengakui ‘anak’ kepada Datuk Syahbandar Sungai Ujong dan tidak lagi Rembau. Pepatah ‘beribu ke Rembau, berbapa ke Sungai Ujong’ diubah menjadi berbapa ke Kelana dan beremak ke Bandar.<sup>9</sup>

#### PENYELESAIAN MASALAH SIMPANG

Peristiwa ini jelas menunjukkan ketidakpuasan hati Haji Sahil tentang perubahan yang berlaku dalam perkara yang berkaitan dengan Linggi dan Sungai Linggi, khususnya kawasan Simpang. Sebahagian daripada kawasan tanah di Simpang, iaitu seluas 94 ekar 6 pol adalah kepunyaan kerajaan Rembau. Selagi bahagian Rembau ini tidak diperolehi oleh Inggeris maka pertelingkahan akan berlarutan dan menjelaskan ekonomi kerajaan Melaka. Untuk memperolehi hak mutlak ke atas kawasan tersebut, Gabenor Jervois harus ‘memikat’ atau mungkin lebih tepat ‘memerangkap’ Haji Sahil supaya menyerahkan kawasan bahagian hak milik Rembau itu kepada Inggeris; dan justeru itu dapat memulihkan keamanan, dan pada masa yang sama mengukuhkan lagi pengaruh Inggeris. Gabenor Jervois, untuk tujuan ini telah menggunakan satu cara yang didapati berjaya di kawasan Empayar British yang lain, iaitu menggunakan seorang pembesar yang ramah-tamah serta berpengaruh yang akan menjadi orang perantaraan supaya melakukan tekanan secara lembut ke atas rakan-rakannya yang setaraf dengannya. Dalam melaksanakan strategi ini (termasuk juga ‘memerangkap’ pembesar lain di Negeri Sembilan) Maharaja Abu Bakar<sup>10</sup> Johor ialah orang yang paling layak memainkan peranan ‘orang perantaraan’ itu. Tugas memerangkap Haji Sahil supaya tunduk kepada kehendak Inggeris ini dilakukan dengan baik oleh Abu Bakar.<sup>11</sup>

Dengan bantuan Maharaja Abu Bakar, Inggeris telah mengambil masa untuk ‘memujuk’ Haji Sahil supaya mengikuti kehendak mereka. Akhirnya dalam satu persidangan para pembesar Negeri Sembilan<sup>12</sup> yang diadakan di Segamat pada bulan Ogos 1877, Pemangku Gabenor Negeri Selat telah berjaya memujuk Haji Sahil supaya menyerahkan Simpang kepada pihak Inggeris (Norhalim Hj. Ibrahim, 1996:272-3). Pada 27 September 1877 Haji Sahil melalui satu perjanjian telah menyerahkan kawasan hak Rembau ke atas Simpang kepada kerajaan Inggeris.<sup>13</sup> Dengan adanya surat penyerahan tanah oleh Haji Sahil itu maka seluruh kawasan Simpang yang sering dipertikaikan itu diserahkan, dan dengan itu dikuasai sepenuhnya oleh Inggeris, dan segala urusan di kawasan tersebut dijalankan oleh pihak kerajaan British secara mutlak.

Selepas tahun 1877 keadaan di sepanjang Sungai Linggi adalah terkawal. Pergolakan politik di sepanjang sungai itu yang juga melibatkan pembesar-pembesar Linggi secara langsung dapat dibendung. Namun, usaha Inggeris untuk mendapatkan keamanan tidak berakhir setakat hanya menandatangani kedua-dua perjanjian itu sahaja. Pada tahun berikutnya,

#### SEJARAH LINGGI

iaitu pada 3 Mei 1878, satu persidangan antara Residen British, Datuk Syahbandar Ahmad, Datuk Muda Linggi dan dua orang Kapitan Cina telah diadakan. Dalam pertemuan itu kesemua pihak bersetuju supaya mengadakan satu perjumpaan pada setiap bulan dan segala keputusan yang dicapai akan dimaklumkan kepada Datuk Kelana untuk mendapatkan kebenarannya sebelum bertindak. Melihat kepada persetujuan yang dicapai oleh mereka yang bersidang itu, nyata sejak tahun tersebut, kekuasaan Datuk Kelana Sungai Ujong melebihi pembesar-pembesar lain di Sungai Ujong. Kuasa Datuk Muda Linggi tetap berada di bawah kekuasaan Datuk Kelana dan segala perkara yang timbul di wilayah Linggi selepas itu haruslah terlebih dahulu disampaikan kepada Datuk Kelana sebelum diambil sebarang tindakan. Justeru itu, jelaslah bahawa bidang kuasa Datuk Kelana ke atas wilayah Linggi semakin ketara selepas perjumpaan itu.

#### PEMBANGUNAN AWAL DI LINGGI

Setelah menguasai Simpang dan kawasan sekitarnya kerajaan British telah mengendalikan urusan harian di kawasan itu dengan lebih teratur. Bagi melicinkan lagi sistem pengangkutan, Sungai Linggi telah dibersihkan. Untuk tujuan ini, mengikut *Annual Report of the Native States of Sungai Ujong*, pada 15 Januari 1871, kerajaan telah membelanjakan wang sebanyak \$635.60. Sejajar dengan perkembangan ini, pusat pencukaian juga telah dipindahkan ke Pangkalan Kempas dan sebuah pejabat kastam telah dibina di situ untuk tujuan tersebut. Di samping itu, untuk memperbanyak dan mempercepatkan lagi perhubungan perdagangan dan sosial, pembinaan sebatang jalan darat yang menghubungkan Linggi dengan Sunggi Ujong telah dimulakan dalam tahun 1878. Jalan yang sepanjang 2.5 batu dari Seremban ke Linggi telah diturap dengan tar pada tahun 1884. Berikutan dengan kemajuan infrastruktur asas ini, pembukaan tanah bagi keperluan ekonomi juga telah dijalankan. Syarikat See Boon Tiong dari Melaka telah dibenarkan membuka tanah seluas 3,226 ekar untuk selama 20 tahun bagi tanaman ubi kayu.

Menjelang tahun 1879 lalu lintas perdagangan di Linggi menjadi semakin pesat. Berikutan dengan ini, tugas Datuk Muda Linggi sebagai pemungut cukai secara bebas telah diambil alih oleh pihak berkuasa Inggeris. Sehubungan dengan ini, untuk menyelesaikan masalah pendapatan pembesar-pembesar di wilayah Sungai Ujong (termasuk wilayah Linggi), satu sistem penceن telah diperkenalkan dalam tahun 1879. Melalui sistem ini Datuk Kelana telah mendapat bahagian yang terbanyak sekali, iaitu \$9,600 setahun, Datuk Syahbandar dan Datuk Muda Linggi masing-masing menerima \$2,400 setahun.

British telah berjaya memajukan kawasan Linggi dalam tempoh beberapa tahun sahaja. Dalam tahun 1882 barang-baang yang dieksport dari

#### LINGGI PADA ZAMAN AWAL PEMERINTAHAN INGGERIS

Lingga bernilai \$116,533.59. Antara barang-barang yang dikeluarkan dari Linggi ialah damar mata kucing, kayu gaharu, *gutta grek*, *gutta taban*, gambir dan ubi kayu.<sup>14</sup> Dalam tahun 1883 hasil yang dikeluarkan dari Linggi bernilai \$106,843 dan barang-barang eksportnya adalah seperti kopi, damar mata kucing, kayu api, kayu gaharu, *gutta grek*, gambir, papan balak, ubi kayu dan rotan.<sup>15</sup>

Pada sekitar tahun 1883 bahagian pantai, iaitu daerah Port Dickson sekarang, yang sebelum itu dippunyai oleh kerajaan Selangor dan di bawah kekuasaan Lukut telah ditukar ganti dengan wilayah Semenyih, iaitu sebahagian besar daripada daerah Ulu Langat sekarang, yang dikuasai oleh Sungai Ujong (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:85). Arang-Arang,<sup>16</sup> iaitu nama asal bandar-pelabuhan Port Dickson sekarang telah dibangunkan oleh pihak Inggeris menjadi sebuah pelabuhan bagi mengeksport hasil pengeluaran Sungai Ujong, khususnya bijih timah. Dalam tahun 1887 sebatang landasan kereta api telah mula dibina untuk menghubungkan Port Dickson dengan Seremban, tanpa melalui Linggi.<sup>17</sup> Tujuannya adalah untuk memperbanyak dan mempercepatkan pengeksportan hasil-hasil pengeluaran Sungai Ujong. Jadi sejak awal tahun 1880-an Port Dickson telah mengambil alih kedudukan Linggi sebagai pelabuhan utama untuk mengeksport dan mengimport barang dari, dan ke Sungai Ujong.

Pembangunan pelabuhan Port Dickson agak cepat kerana kawasan baru ini tidak 'dipunyai' oleh mana-mana pembesar Melayu secara khusus. Dengan demikian pihak berkuasa Inggeris boleh memajukannya tanpa masalah daripada mana-mana pihak. Berikutan dengan itu, kerajaan Inggeris telah menjadikan wilayah antara tebing kiri mudik Sungai Linggi sehingga ke pantai sebagai sebuah daerah pentadbiran baru. Seorang majistret dan pemungut hasil tanah telah dilantik bagi mengendalikan urusan pentadbiran di daerah baru itu. Dengan wujudnya daerah ini, maka kepentingan wilayah Linggi dari segi politik semakin merosot. Linggi kini berada di bawah jentera pentadbiran daerah Port Dickson dan tidak lagi di bawah Sungai Ujong. Jika sebelum itu Linggi adalah sebuah kerajaan semi merdeka mulai daripada awal tahun 1890-an, sejak tertubuhnya daerah Port Dickson, Linggi hanya bertaraf sebuah mukim.

#### PERUBAHAN STATUS KEPIMPINAN LINGGI

Sejak pihak Inggeris mencampuri pemerintahan Sungai Ujong (dan Linggi) pada pertengahan abad ke-19, sistem pentadbiran Barat mula mengambil tempat dalam wilayah tersebut. Kekuasaan pembesar-pembesar tempatan (adat), meskipun secara teori masih kekal, tetapi dari segi pelaksanaan pentadbiran berada dalam tangan para penguasa Inggeris. Pada tingkat kekuasaan tertinggi, kerajaan British diwakili oleh Residen,<sup>18</sup> dan pada tingkat terendah diwakili oleh pegawai daerah. Lembaga-lembaga keku-

## SEJARAH LINGGI

saan Inggeris itulah pada hakikatnya mengendalikan pentadbiran politik dan ekonomi sepanjang sejarah mereka berkuasa di Sungai Ujong.<sup>19</sup>

Pada akhir tahun 1880-an, Linggi telah diletakkan di bawah kekuasaan pegawai daerah yang berkedudukan di Port Dickson. Datuk Muda Linggi pada hakikatnya sudah tidak lagi mempunyai kekuasaan politik secara langsung dalam mengatur kehidupan masyarakatnya. Seluruh kehidupan orang Linggi, baik dari segi sosial atau politik berada di bawah kuasa pegawai daerah. Untuk melicinkan jentera pentadbiran, Pegawai Daerah Port Dickson telah melantik seorang penghulu sebagai orang perantara di wilayah (kini bertaraf mukim) Linggi.

Gelaran penghulu bukanlah satu yang baru bagi masyarakat Linggi. Sejarah awal Linggi merakamkan bahawa sejak tertubuhnya kerajaan Linggi pada sekitar akhir abad ke-18 hingga awal abad ke-19, Linggi pernah berpenghulu, iaitu Lebai Dolman (Penghulu I), Jeragan Abdul Rahman (Penghulu II) dan Mohamad Attas (Penghulu III). Pada masa penghulu ketiga (Mohamad Attas) gelaran Penghulu Linggi tidak digunakan lagi. Gelaran yang popular digunakan dan kemudian dilembagakan untuk menyebut pemimpin tertinggi dalam masyarakat Bugis di Linggi ialah Datuk Muda (Linggi).

Jawatan Penghulu Linggi buatan Inggeris tetap dipegang oleh orang Melayu, tetapi ia merupakan alat kekuasaan Pegawai Daerah Port Dickson. Penghulu baru ini tidak mempunyai kuasa sebagai seorang pembuat keputusan dalam masyarakatnya. Semua hal yang ada kaitannya dengan kehidupan masyarakat haruslah diketahui dan diputuskan oleh pegawai daerah. Fungsi Penghulu Linggi dalam masyarakatnya tidak lebih dari pada seorang pemimpin yang menghubungkan penguasa Inggeris dengan masyarakat dan pelaksana dasar pentadbiran Inggeris.

Sebagai pelaksana dasar, antara tugas-tugas Penghulu Linggi adalah menyiasat parit dan tali air, empangan, jalan dan jambatan; menjaga perigi dan mencegah kerja-kerja memotong kayu dan melombong yang tidak dibenarkan. Beliau juga memberi nasihat tentang tanaman padi; mela-porkan kelahiran dan kematian serta penyakit yang menular; menyuruh semua anak bersekolah dan bertanam cacar serta memberi apa-apa per-tolongan yang diminta oleh pegawai-pegawai kerajaan. Di samping itu, penghulu boleh memutuskan perbicaraan kecil dan dia juga disuruh me-nangkap penyamun dan pembunuhan. Dalam sistem dan pengawasan tanah beliau adalah orang perantara pejabat daerah dengan masyarakat Linggi. Beliau adalah juga pengawas dalam hal yang menyangkut sewa-menewa tanah di Linggi.

Huraian ringkas di atas menunjukkan bahawa kemasukan pentadbiran British dalam struktur politik Sungai Ujong secara langsung telah membawa perubahan ke dalam sistem kepimpinan di Linggi. Mulai dari sekitar pertengahan tahun 1874, Datuk Muda Linggi hilang kewibawaannya seba-

gai seorang pemimpin yang bebas dan berwibawa (walaupun sarjana Barat seperti Wilkinson (1911) dan Gullick (1949) berpendapat kedudukan Linggi sebagai semi merdeka). Institusi Datuk Muda Linggi mulai tarikh itu telah diturunkan ke satu kedudukan di bawah kekuasaan Datuk Kelana Sungai Ujong. Dalam tahun 1877, bukan sahaja Datuk Kelana yang berkuasa ke atas institusi ini, tetapi juga Datuk Syahbandar Sungai Ujong yang mulai tahun tersebut diiktiraf sebagai ‘ibu’ menggantikan Rembau.<sup>20</sup> Apabila British ‘berkuasa’ dan wujudnya institusi Residen Inggeris di Sungai Ujong kedudukan Datuk Muda Linggi merosot lagi, iaitu bertanggungjawab, malahan sebagai kuasa yang paling atas, melebihi Datuk Kelana dan Syahbandar, kepada Residen Inggeris. Pembesar-pembesar Linggi, khususnya Datuk Muda dengan itu tidak lagi mempunyai kekuasaan besar dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat. Kedudukan institusi Datuk Muda Linggi, mulai bulan April 1874 adalah sangat berbeza jikalau dibandingkan dengan kekuasaan yang dimilikinya pada masa sebelum itu. Kuasa dan kewibawaan institusi kepimpinan Linggi, mulai daripada tahun tersebut sedikit demi sedikit telah dilarutkan.

Dengan terbentuknya daerah Port Dickson pada akhir abad ke-19, kedudukan pembesar-pembesar Linggi semakin merosot. Mereka harus mengikuti norma-norma yang ditetapkan oleh kerajaan British. Dalam politik negeri Linggi, secara teori pembesar-pembesar Linggi masih ada, tetapi dari segi pelaksanaan mereka hampir dapat dikatakan sudah tidak mempunyai kekuasaan apa-apa lagi. Kekuasaan sebenarnya adalah di tangan pentadbiran British yang terdiri daripada Pegawai Daerah Port Dickson, dan juga penghulu bagi mukim Linggi. Tegasnya tanggungjawab sosial dan pembangunan Linggi yang kini hanya bertaraf mukim berada dalam tangan jentera pentadbiran birokrasi baru Inggeris. Kedudukannya telah diganti oleh pemimpin formal yang dilantik oleh pihak pentadbiran Inggeris dan melaksanakan pentadbiran menurut garis yang telah ditentukan oleh pentadbiran Inggeris sendiri. Namun institusi kepimpinan Linggi lama masih tetap hidup dalam masyarakat Linggi tetapi ia hanya merupakan lambang atau simbol sahaja. Ini jelas terbukti dalam perkembangan sejarah kepimpinan Datuk Muda selanjutnya (yang akan diuraikan nanti), meskipun tidak mempunyai apa-apa kekuasaan, dalam kehidupan masyarakat, jabatan-jabatan di dalam institusi itu masih diperebut oleh waris-waris Linggi.

Sebagai langkah pertama pihak Inggeris (dan dengan kerjasama Datuk Kelana Sungai Ujong) dalam usaha melarutkan kedudukannya, Datuk Muda Linggi telah ditugaskan untuk memungut cukai ke atas perdagangan yang menggunakan Sungai Linggi dan melalui Linggi. Dalam menjalankan tugasnya sebagai ‘pemungut cukai’ ini kerajaan Inggeris mengharuskan Datuk Muda Linggi membuat satu pernyataan kewangan seperti yang dinyatakan sebelum ini. Laporan kewangan yang diperlukan oleh pihak

#### SEJARAH LINGGI

berkuasa Inggeris itu adalah agak terperinci. Ini dapat dilihat daripada contoh laporan yang dikemukakan bagi tahun 1292 Hijrah seperti berikut:

Penyata Kewangan Datuk Muda Hj. Mohamad Farghal  
bagi tahun 1292 Hijrah

25.	Bulan puasa jualkan timah daripada Ahmad Baki Haji Lamit yang di Nelajas itu kepada orang yang Wang Yin Chang sebanyaknya 40 keping 40 beratnya 22.81 harga satu bahara 67.25 Daripada Hj. Yusof bin Hj. Baki keping 39 beratnya 19.21 harganya demikian juga Timah harga keping 28 beratnya 15.32 harganya demikian juga Daripada Yeraf bin Khatib Hassan keping 18 beratnya 9.38 harganya begitu juga Maka sudah selesai hamba terima fasal ini	\$511.32 \$430.62 \$343.42 \$210.26 <u>\$1,495.62</u>
12.	Bulan Syawal dijualkan timah kepada Wang Yin. Satu fasal timah daripada Encik Tahir Putih Keping 37 beratnya 30.98 Harga satu bahara \$65½ wangnya Satu fasal timah daripada Encik Pie Keping 33 beratnya 17.07 harganya demikian juga Ditolak tambang \$4.59 Tinggal cuci \$1,044.59 Maka sudah hamba terima demikian juga.	\$676.39 \$373.695½

(Mohamad Ali bin Dahlani, 1976:360)

Keperluan membuat atau menyediakan pernyataan ini adalah satu hal yang baru kepada seorang pemimpin sebuah negeri yang berwibawa. Sebelum itu, Datuk Muda Linggi, sejak zaman bergelar penghulu, tidak pernah ditemui, membuat kenyataan kewangan secara formal. Kemasukan dan pengeluaran wang di Linggi hanya beliau sendiri sahaja yang mengetahuinya. Kesediaan Datuk Muda Linggi membuat pernyataan kewangan itu membolehkan kita merumuskan bahawa:

1. Datuk Muda Linggi memperakui bahawa di atasnya ada satu kuasa yang lebih tinggi daripadanya.
2. Secara sistematis Inggeris telah berhasil memasukkan pengaruhnya, khususnya sistem pentadbiran kewangannya ke dalam sistem pentadbiran wilayah Linggi.
3. Pihak Inggeris tidak lagi percaya sepenuhnya tentang cara pengendalian wang pendapatan yang diperolehi daripada cukai perdagangan yang melalui Linggi.
4. Datuk Muda Linggi terikat oleh satu tanggungjawab yang harus ditunaikan terhadap kerajaan Inggeris yang menjadi kuasa atasannya.

#### LINGGI PADA ZAMAN AWAL PEMERINTAHAN INGGERIS

Langkah berikutnya dan yang paling tegas diambil oleh pihak Inggeris dalam usaha mengawal dan mengurangkan kekuasaan Datuk Muda Linggi adalah dengan mengambil alih tugasnya sebagai pemungut cukai. Sebagai imbuhan kepada kehilangan punca pendapatan beliau pihak kerajaan Inggeris telah memberinya elau hidup. Dengan demikian, kebebasan, kemerdekaan dan kewibawaan Datuk Muda Linggi sebagai seorang pemimpin hilang langsung. Beliau hanya merupakan sebahagian (tetapi tidak ada fungsi praktikal) daripada pentadbiran kerajaan Inggeris. Justeru itu, segala rupa tindakan yang dilakukan oleh Datuk Muda Linggi secara langsung dapat dikawal dan/atau diawasi oleh pihak berkuasa Inggeris.

Satu lagi pembaharuan hasil sistem pentadbiran yang diperkenalkan oleh British ke dalam kehidupan masyarakat Linggi ialah Datuk Muda Linggi harus bertanggungjawab secara teratur kepada penguasa yang lebih tinggi, iaitu Residen Inggeris. Oleh sebab adanya satu kuasa yang lebih tinggi daripada beliau, maka pembesar-pembesar Linggi lain atau rakyat dan orang ramai boleh mengajukan petisyen atau mengadukan rasa terkilan dan tidak puas hati mereka kepada pentadbir Inggeris yang merupakan atasan langsung Datuk Muda Linggi. Sebelum itu, tiada kuasa yang lebih atas daripadanya, dan oleh sebab kedudukannya *bergajah tunggal* tidak juga Datuk Kelana atau Datuk Syahbandar Sungai Ujong. Namun selepas kira-kira empat belas tahun Linggi duduk di bawah naungan Sungai Ujong dan Inggeris, iaitu pada tahun 1888, sejarah kepimpinan Linggi, buat pertama kalinya merakamkan bagaimana kemutlakan kewibawaan Datuk Muda Linggi dicabar oleh pembesar bawahannya sendiri. Cabaran ini adalah titik pertama yang kemudiannya akan menjadi rangkaian rentetan konflik yang berlarutan hingga ke akhir abad ke-20 dalam institusi kepimpinan politik tradisional Linggi.

#### KRISIS DATUK MUDA DAN DATUK PONGLIMA PERANG 1888

Pada 8 Ogos Datuk Panglima Perang Mohamad Attas telah menulis sepucuk surat aduan kepada seorang pegawai British.<sup>21</sup> Di dalam surat itu Datuk Panglima Perang Mohamad Attas telah melaporkan tentang tingkah laku Datuk Muda Mohamad Farghal yang dianggap bertentangan dengan peraturan Linggi yang diperbuat oleh orang tua-tua terdahulu. Akibatnya Datuk Muda Mohamad Farghal telah banyak merugikan orang lain atau orang ramai dan adat Linggi. Untuk membuktikan pernyataan tersebut Datuk Panglima Perang, dalam surat itu telah menyenaraikan tidak kurang daripada lima perbuatan salah laku Datuk Muda Mohamad Farghal.

Masalah utama yang diutarakan adalah masalah mencari pengganti Datuk Panglima Besar yang telah meninggal. Menurut surat itu, Datuk Panglima Perang Mohamad Attas pada 4 Syawal 1305 Hijrah (22 Septem-

#### SEJARAH LINGGI

ber 1887) telah berusaha menemui Datuk Muda Linggi dengan beberapa orang waris Linggi untuk membicarakan masalah pengganti Datuk Panglima Besar. Kedatangan rombongan beliau itu tidak mendapat sambutan positif; bahkan Datuk Mohamad Farghal tidak keluar daripada rumahnya<sup>22</sup> untuk menemui mereka. Akibat tingkah laku Datuk Mohamad Farghal ini telah mencetuskan konflik yang berat antaranya dengan Datuk Panglima Perang. Masing-masing pihak berusaha mencari pengikut dan penyokong. Di satu pihak Datuk Panglima Perang Mohamad Attas berusaha mempengaruhi para waris Linggi, dan di pihak lain, Mohamad Farghal pula berusaha mendapatkan sokongan daripada Datuk Syahbandar Sungai Ujong. Dengan kerjasama Datuk Syahbandar<sup>23</sup> akhirnya Datuk Muda melantik Mohamad Bustam bin Haji Madinah atau terkenal juga dengan panggilan Pawang Ngah sebagai Datuk Panglima Besar yang baru. Perlantikan yang dilakukan oleh Datuk Muda itu telah dilakukan tanpa bermesyuarat dengan orang besar-besar di bawahnya dan kebulatan waris-waris Linggi serta anak buah saudara mana-mana yang patut.

Di samping itu, Datuk Panglima Perang telah membuka segala keburukan Datuk Muda. Ini dapat dilihat dalam surat petisyen yang diajukan kepada Residen British antaranya dikatakan:

Fasal yang kedua jika ada apa-apa suatu perkara yang tumbuh di dalam negeri daripada baik dan jahatnya hendak diadukan kepadanya maka tiadalah mahu ia berjumpa serta tiada mahu campur daripada perkara itu.

Fasal yang ketiga selama ia menjadi Datuk Muda belum pernah apa-apa suatu perkara yang diselesaikan daripada kecil atau besar maka tiadalah daripada jalan hukum Allah atau jalan adat.

Fasal yang keempat jika ada apa-apa perkara yang hendak diperbuatnya baik daripada jalan hukum atau jalan adat maka sekali-kali tiadalah ia mahu bermesyuarat dengan orang besar-besar di bawahnya dan serta anak buah saudara mana-mana yang patut maka jikalau diperiksa kepadanya maka datanglah marahnya dengan perkataan yang kotor-kotor.

Fasal yang kelima dari fasal perbahagian pencen waris-waris yang seratus ringgit yang telah dikurniakan oleh Tuan Besar itu maka tiap-tiap bulan dipotongnya dengan tiada berketentuan dipotongnya terkadang dalam satu ringgit dipotongnya lima sen terkadang tiga sen terkadang sembilan sen setengah terkadang empat sen dan menerima pun dengan beberapa kepayahan dan kesusahan terkadang sampai dua bulan barulah dapat adalah pula yang tiada diberinya sampai tiga bulan belum lagi dapat demikianlah dimaklumkan ke bawah kuasa Tuan Besar Yang Maha Mulia adanya tamat.

(Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:346-7)

Surat petisyen yang diajukan oleh Datuk Panglima Perang Mohamad Attas kepada penguasa British ini adalah satu bukti bahawa pihak berkuasa atau pembesar Linggi tidak dapat lagi berbuat sekehendak hati dalam setiap masalah yang menyangkut kepentingan orang ramai.

## INGGERIS MELANTIK DATUK MUDA LINGGI 1893

Datuk Muda Mohamad Farghal telah meninggal dunia pada pertengahan tahun 1893. Kali ini, yang perlu dicari ganti adalah pucuk pemimpin tertinggi wilayah Linggi. Semua waris Linggi yang tua-tua telah mengadakan kerapatan dan mesyuarat untuk bermuafakat, tetapi kebulatan untuk mencari seorang calon mengisi kekosongan jawatan Datuk Muda tidak diperolehi. Ada pihak yang mencadangkan Abas bin Zakaria sebagai Datuk Muda yang baru. Tidak kurang pula terdapat individu yang mencalonkan diri masing-masing bagi mengisi kekosongan itu. Selepas enam bulan berlalu, orang Linggi mencapai kebulatan, bukan untuk melantik seorang calon tetapi untuk memulangkan lantikan itu kepada ‘ibu dan bapa’ (Datuk Syahbandar dan Datuk Kelana Sungai Ujong) Linggi. Pada masa itu jawatan Datuk Kelana (‘bapa’) dipangku oleh Datuk Syahbandar (‘ibu’) Haji Ahmad (1874–1928) kerana Datuk Bandar Maamor (1889–1945) masih kecil lagi. Residen British Sungai Ujong pada ketika itu dipangku oleh Douglas.

Setelah menerima kebulatan orang Linggi itu Datuk Syahbandar telah menyerahkan perkara itu kepada datuk-datuk lembaganya untuk mencari ganti Datuk Muda Linggi. Datuk-datuk lembaga tersebut telah menamakan Menteri<sup>24</sup> Leman (Sulaiman), orang semenda Datuk Syahbandar, sebagai calon Datuk Muda Linggi yang baru. Pada 25 September 1893 bersamaan 14 Rabiulawal 1311 Hijrah, satu istiadat perlantikan Datuk Muda Linggi yang baru telah diadakan di balai Datuk Syahbandar Haji Ahmad di Rasah. Sesudah Menteri Leman didudukkan di atas kerusi dan hanya menunggu pengisytiharan rasmi sahaja, Douglas pemangku Residen Inggeris telah memberhentikan upacara itu. Penangguhan ini adalah disebabkan di saat-saat akhir itu, Douglas yang turut hadir bersama Datuk Kelana Maamor telah menerima sepucuk surat bantahan daripada orang Linggi. Dalam surat itu dinyatakan bahawa Menteri Leman tidak layak menjadi Datuk Muda kerana beliau pernah dipenjarakan atas kesalahan menipu di Linggi (Mohamad Ali bin Dahl, 1976:209). Berikutan tuduhan itu, Douglas telah meminta pengesahan daripada Datuk Syahbandar dan Datuk Kelana akan kesahihan maklumat itu. Setelah didapati benar maka upacara perlantikan Menteri Leman itu terpaksa dibatalkan atas arahan Douglas.

Douglas bagi pihak kerajaan British yang tidak mahu perkara itu berlanjutan lagi telah mengambil alih perjalanan perhimpunan adat istiadat itu. Beliau telah memberitahu para hadirin bahawa ‘demi kebajikan negeri (Sungai Ujong) dan wilayah Linggi’, pada pandangannya, ‘Datuk Muda Linggi yang baru adalah tidak perlu (dilantik)’.<sup>25</sup> Bagaimanapun, jika orang Linggi mahu juga mencari ganti atau mengisi kekosongan jawatan itu, maka beliau meminta pihak yang berkenaan, terutamanya orang Linggi yang hadir mencari, pada hari itu juga, seorang yang layak mengisi keko-

#### SEJARAH LINGGI

songan jawatan Datuk Muda itu. Mungkin oleh sebab terkejut dengan perkembangan peristiwa yang tidak disangka itu, orang Linggi yang hadir (yang kebanyakannya adalah mereka yang menetap di Seremban) terpaksa mencari ganti, jika tidak, besar kemungkinan jawatan Datuk Muda Linggi itu dihapuskan. Mereka dengan itu telah mencalonkan Datuk Panglima Besar Mohamad Bustam atau Pawang Ngah yang hadir di situ. Douglas yang memang kenal Datuk Panglima Besar itu kerana beliau menjadi pawang memburunya, tanpa banyak soal telah meminta Datuk Syahbandar Haji Ahmad dan Datuk Kelana Maamor meneruskan adat istiadat itu dan mengisytiharkan Datuk Panglima Besar Pawang Ngah Mohamad Bustam bin Haji Madinah sebagai Datuk Muda Linggi yang baru. Datuk Syahbandar juga tidak mempersoalkan campur tangan dan keputusan Douglas serta cara perlantikan itu kerana Mohamad Bustam adalah orang semendanya sendiri.

Dengan terlantiknya Mohamad Bustam sebagai Datuk Muda Linggi yang baru maka jawatannya sebelum itu, Datuk Panglima Besar menjadi kosong. Untuk mengelakkan berlakunya satu pertelingkahan baru, Douglas telah meminta supaya orang Linggi yang hadir memilih seseorang bagi mengisi kekosongan itu pada hari itu juga. Sekali lagi, orang Linggi terpaksa mencari dan mengemukakan seorang calon. Akhirnya majlis tersebut telah bersetuju dan seterusnya melantik dan mengisytiharkan Haji Mohamad Bakhir menjadi Datuk Panglima Besar. Dengan demikian, pada 25 September 1893 bersamaan 14 Rabiulawal 1311 Hijrah itu, dengan diawasi oleh Douglas, dua orang pembesar Linggi telah dilantik dan diisytiharkan serentak di balai Datuk Syahbandar Haji Ahmad di Rasah.

Ini adalah kali pertama pihak Inggeris campur tangan secara langsung dalam perlantikan dua orang pemimpin Linggi. Pernyataan bernada ugutan yang dilafazkan oleh Douglas itu dengan jelas menunjukkan sikap dan pendirian sebenar Inggeris dalam masalah politik, khususnya perlantikan pembesar Linggi dan juga di negeri-negeri Melayu lain. Pihak Inggeris seboleh-bolehnya tidak mahu perkara perlantikan seperti ini berlanjut kerana ia akan menjelaskan perjalanan pentadbiran dan ‘membuang masa’ mereka. Dalam kes ini besar kemungkinan yang Douglas sendiri, oleh sebab telah kenal dengan Mohamad Bustam dan kedudukannya dalam struktur kepimpinan Linggi, telah secara tidak langsung ‘memilih’ atau ‘menunjuk’ siapa bakal Datuk Muda Linggi. Dengan mengarahkan para hadirin supaya melantik Mohamad Bustam, tugas-tugas Inggeris mentadbir wilayah Linggi pada masa beliau ‘memerintah Linggi’ tidak akan mendatangkan masalah kerana Mohamad Bustam telah ‘termakan budi’ pihak Inggeris. Oleh sebab demikian cara perlantikannya, ramai orang Linggi yang tidak puas hati terutama sekali mereka yang telah berkebulatan memilih Abas bin Zakaria dan juga individu-individu lain yang sendiri ingin mengisi jawatan itu.

Perlantikan Mohamad Bustam sebagai Datuk Muda dan diikuti pula oleh perlantikan Mohamad Bakhir sebagai Datuk Panglima Besar mem-

#### LINGGI PADA ZAMAN AWAL PEMERINTAHAN INGGERIS

perlihatkan tiga gejala pembaharuan dan perubahan dalam sistem perlantikan pembesar-pembesar Linggi. Perubahan tersebut ialah:

1. Inggeris telah campur tangan secara langsung dalam proses perlantikan pemimpin-pemimpin Linggi dan secara tidak langsung pula telah menunjukkan siapa yang harus dilantik, tanpa memberi masa untuk mengadakan mesyuarat dan muafakat bagi mendapatkan kebulatan.
2. Buat pertama kalinya dalam sejarah Linggi pemegang jawatan Datuk Panglima Besar dinaikkan status atau dilantik menjadi Datuk Muda. Perlantikan Datuk Panglima Besar menjadi Datuk Muda Linggi adalah disebabkan oleh tekanan keadaan. Perbuatan ini tidak mungkin dianggap sebagai suatu yang mesti kerana tidak ada *turus teladannya* sebelum itu.
3. Buat pertama kalinya juga jawatan Panglima Besar dilantik tanpa mesyuarat, muafakat dan kebulatan orang Linggi, dan pencalonannya serta perlantikannya pula dilakukan di luar wilayah Linggi.

Sejauh yang diketahui, masa pemerintahan Datuk Muda Mohamad Bustam tidak ada apa-apa peristiwa bersejarah berlaku dari segi pentadbiran adat Linggi. Namun, satu peristiwa yang perlu dinyatakan ialah beliau telah menyamakan mas kahwin kepada \$40.00 sahaja. Bagi orang Linggi yang benar-benar faham akan kedudukan dan punca mula mas kahwin \$48.00 itu diwujudkan, perbuatan Bustam itu dianggap sebagai mengecil-ngecilkan perbuatan nenek moyang mereka (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:211).<sup>26</sup>

Orang Linggi dan juga pembesar-pembesar Linggi tidak pula melaporkan perubahan yang menimbulkan rasa tidak puas hati itu kepada pihak atas (Residen Inggeris) seperti yang dilakukan oleh Datuk Panglima Perang pada tahun 1888. Ini mungkin mereka sedia maklum bahawa petisyen mereka tidak akan mendapat layanan daripada pihak Inggeris kerana hubungan antara Mohamad Bustam yang dilantik oleh Inggeris dengan Inggeris adalah rapat. Dengan demikian mereka hanya mendiamkan diri dan terpaksa menerima hakikat bahawa perubahan itu harus berlaku dan tiada tenaga yang dapat menyekatnya.

1. Raja Mahadi, bagaimanapun berjaya diusir oleh pihak Inggeris daripada tempat 'persebunyiannya' di Labu. Beliau kemudian telah pergi ke Singapura dan menyerah diri (Cowan, 1961:208).

2. Syed Ahman telah melakukan pelbagai cara untuk menimbulkan kemarahan Kulup Tunggal. Antaranya:

## SEJARAH LINGGI

- (a) Datuk Kelana telah berulang kali mempertidakkannya status Datuk Syahbandar Kulup Tunggal. Syed Ahman telah menganggap Kulup Tunggal sebagai orang bawahannya.
- (b) Syed Ahman memaksa Kulup Tunggal menyerahkan Raja Mahmud kepadanya.
- (c) Pada bulan September Syed Ahman telah menaikkan bendera British di balainya dengan penuh istiadat.
3. Misi Pickering di Sungai Ujong adalah:
- (a) Mempengaruhi Datuk Syahbandar Kulup Tunggal supaya berdamai dengan Datuk Kelana Syed Ahman.
- (b) Memujuk orang Cina supaya jangan terlibat dalam pertelingkahan itu.
4. Untuk salinan penyata kewangan bagi tahun-tahun tersebut lihat Mohamad Ali bin Dahlal (1976:360–71).
5. Mohamad Ali bin Dahlal tidak konsisten dalam memberikan persamaan antara tahun-tahun Hijrah tersebut dengan Tahun Masihi. Pada halaman 79 tahun-tahun Hijrah tersebut disamakan dengan 1874, 1875 dan 1876 Masihi, tetapi pada halaman 371, tahun-tahun Hijrah itu telah disamakan pula dengan 1877, 1878 dan 1879 Masihi. Tahun Hijrah 1292 tidak mungkin bersamaan dengan tahun 1874 Masihi kerana dokumen persetujuan antara Datuk Kelana dan Datuk Syahbandar 1874 yang bertajuk: ‘Negeri Semujung Tanah Waris Perintah Datuk Kelana serta Datuk Bandar’ mencatatkan tarikh termaktubnya dokumen itu sebagai 5 Syawal 1291 Hijrah; dan di akhir dokumen itu, di bawah tandatangan W.A. Pickering yang menjadi saksi, tertulis tarikh persamaannya dalam Tahun Masihi, iaitu 10.11.1874. Ini bererti tahun 1292 adalah bersamaan dengan 1475 Masihi.
6. Datuk Syahbandar Kulup Tunggal dan Raja Mahmud selepas gagal mendapat perlindungan daripada Sultan Abdul Samad Selangor telah menyerah diri kepada Swettenham di Langat, yang membawa mereka ke Singapura dan menyerah diri kepada Clarke. Di Singapura mereka telah menandatangani satu bon mengakui ‘kesalahan perang’ yang mereka lakukan dan berjanji tidak akan meninggalkan Singapura tanpa izin gabenor. Mereka telah diberi tempat tinggal dan sara hidup; dan Kulup Tunggal telah tinggal di situ sehingga beliau meninggal dunia (Cowan, 1961:209 nota kaki 90).
7. Perang ini bermula pada sekitar akhir bulan November 1875 antara Datuk Kelana yang dibantu oleh Inggeris dengan Tunku Antah Yamtuan Seri Menanti yang dipengaruhi oleh beberapa orang pembesar Negeri Sembilan yang tidak bersetuju dengan persepakatan antara Datuk Kelana dan Inggeris (Kennedy, 1993:167). Titik permulaan yang mencetuskan perang ini ialah tentang hak ke atas wilayah Terachi. Semasa perang ini berlaku pembesar-pembesar Negeri Sembilan telah memihak sama ada Datuk Kelana dan Inggeris ataupun Tunku Antah. Perang ini berakhir pada sekitar akhir bulan Disember 1875 dengan kekalahan di pihak Tunku Antah. Dengan berakhirnya perang ini Sungai Ujong dimasukkan ke bawah pentadbiran British secara rasmi dan seorang Residen British (Murray) telah ditempatkan di sana (Norhalim Hj. Ibrahim, 1996:265–6).
8. Untuk teks (terjemahan Inggeris) dokumen penyerahan tanah ini lihat Maxwell dan Gibson, 1924:39.
9. Bila sebenarnya peristiwa ini berlaku, sejarah Linggi masih kabur. Menurut Mohamad Ali bin Dahlal (1967:78) ia berlaku pada zaman pemerintahan Datuk Muda Haji Mohamad Salleh. Rembau telah menyerang rumah Haji Mohamad Salleh kerana beliau tidak memperuntukkan bahagian Rembau daripada hasil cukai yang dikutip di Sungai Linggi; sedangkan beliau berserta Datuk Kelana dan Datuk Syahbandar Sungai Ujong mendapat satu pertiga bahagian setiap seorang. Berdasarkan tarikh corak pembahagian cukai ini dilaksanakan, peristiwa tersebut berlaku pada sekitar tahun 1865. Lihat juga huraian dan nota kaki 10 Bab 10.
10. Beliau ialah seorang yang bercita-cita besar, dan ingin meluaskan wilayah kuasanya ke atas negeri-negeri yang pada masa lalu mengiktiraf kedaulatan kerajaan lama Riau-Johor. Tambahan pula beliau memang dipandang tinggi oleh para pembesar di Negeri Sembilan. Bagi pihak Jervois pula, kelayakan beliau yang utama ialah kesediaannya untuk menerima

## LINGGI PADA ZAMAN AWAL PEMERINTAHAN INGGERIS

nasihat dari Singapura. Jervois berasa begitu yakin pada Maharaja Abu Bakar sebagai wakil Singapura hingga beliau bercadang menjadikan Maharaja Abu Bakar sebagai Yang Dipertuan bagi seluruh Negeri Sembilan.

11. Untuk huraian lanjut bagaimana Maharaja Abu Bakar memerangkap Haji Sahil sehingga Haji Sahil tersepit dan mahu tidak mahu, dipaksa meletakkan ('dipecat oleh Inggeris') jawatan penghulu dan akhirnya menyerahkan Rembau ke bawah 'naungan' Inggeris lihat Norhalim Hj. Ibrahim, 1996:259–316.

12. Persidangan ini adalah 'anjuran' Maharaja Abu Bakar. Para pembesar lain yang hadir ialah Tunku Antah, para penghulu yang menganggotai Persekutuan Seri Menanti, Penghulu Johol dan Penghulu Muar. Persidangan ini dipengerusikan oleh Pemangku Gabenor Negeri Selat.

13. Untuk teks (terjemahan Inggeris) dokumen perjanjian ini lihat Maxwell dan Gibson, 1924:49. Kesahan surat penyerahan Simpang yang ditandatangani oleh Haji Sahil ini adalah dipersoalkan kerana ia tidak mengikut kehendak perlembagaan kerajaan Rembau. Mengikut perlembagaan Rembau, setiap perkara yang melibatkan kerajaan Rembau dengan satu kuasa luar memerlukan persetujuan (tandatangan) Lembaga Tiang Balai. Surat penyerahan tanah di Simpang ini tidak ditandatangani bersama oleh Lembaga Tiang Balai Rembau.

14. Lihat *Financial Report on the States of Sungai Ujong, for the year 1882*, The Resident of Sungai Ujong to the Acting Colonial Secretary, 20 Mei, 1883, hal. 10.

15. Lihat *Report on the States of Sungai Ujong, for the year 1883*, hal. 10.

16. Dalam tahun 1889 nama Arang-Arang telah ditukar kepada nama Port Dickson, iaitu mengambil sempena nama Sir Fredrick Dickson, Setiausaha Tanah Jajahan (Sheppard, 1965:64).

17. Landasan kereta api Port Dickson-Seremban telah siap dibina pada tahun 1891.

18. Di Sungai Ujong, antara akhir tahun 1874 hingga 1895 jawatan ini bertaraf Penolong Residen sahaja.

19. Kedudukan (Penolong) Residen Inggeris di Negeri Sembilan sebelum tahun 1895 agak berbeza jika dibandingkan dengan kedudukannya di negeri-negeri Melayu lain. Sebelum tarikh itu, ada beberapa orang Residen Inggeris di Negeri Sembilan, iaitu seorang di Sungai Ujong (yang juga berfungsi untuk Jelebu mulai sekitar tahun 1881) yang bergelar Penolong Residen; seorang lagi di Kuala Pilah (mulai tahun 1886) tetapi bergelar *Superintendent* dan mulai Julai 1889 kuasanya diliaskan sehingga ke Rembau dan Tampin. Pada peringkat ini residen-residen itu mewakili kerajaan Inggeris pada peringkat Penghulu (Undang). Pada tahun 1895, iaitu tahun 'Negeri-negeri yang Sembilan' digabungkan oleh Inggeris menjadi satu persekutuan Negeri Sembilan dan Yamtuan (Penghulu) Seri Menanti dinaikkan ke taraf Yang Dipertuan (Yamtuan) Besar Negeri Sembilan baru dilantik seorang Residen mewakili kerajaan Inggeris di tingkat 'tertinggi' kepimpinan bagi keseluruhan 'Negeri Sembilan'. Keadaan di negeri-negeri Melayu lain pula, sejak awal kemasukan Inggeris, pada peringkat tertinggi dalam institusi kepimpinan (kesultanan) Melayu, kerajaan British diwakili oleh Residen.

20. Pada masa Rembau menjadi 'ibu' kepada Linggi, setakat yang ditemui, tidak ada rekod yang menyatakan Rembau pernah mencampuri hal yang berkaitan dengan institusi kepimpinan Linggi ataupun cuba menjadi kuasa atas Datuk Muda Linggi atau sebelum itu, Penghulu Linggi; melainkan Rembau sering menuntut bayaran 'anugerah tahunan'.

21. Siapa sebenarnya pegawai British itu tidak dapat dipastikan; namun besar kemungkinan beliau ialah W.F.B. Paul, Penolong Residen British Sungai Ujong (1881–93).

22. Dalam pertemuan pertama Datuk Muda Mohamad Farghal 'duduk sebelah dalam pintu tiadalah ia keluar'. Dalam pertemuan kedua beliau 'duduk sebelah dalam pintu dan tiadalah nampak mukanya kerana berdinding dengan kain tabir pintu'. Percubaan untuk mengadakan rundingan bagi kali ketiga tidak dapat dilaksanakan kerana 'kata kuli-kulinya Datuk ada sakit jadi tiadalah (Datuk Panglima Perang Mohamad Attas) berjumpa' (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:346–7).

#### SEJARAH LINGGI

23. Pada awalnya Datuk Syahbandar menolak perlantikan calon Datuk Muda Mohamad Farghal atas sebab tiada kebulatan waris-waris Linggi, tetapi akhirnya mungkin atas pujukan telah mengiktiraf calon Datuk Muda Mohamad Farghal itu.

24. Gelaran ‘Menteri’ ini tidak ada kena-mengena dengan struktur kepimpinan Linggi. Ia adalah gelaran mempelai (orang semenda) lelaki, iaitu mengikut sistem Adat Perpatih yang termaktub dalam perbilangan: kecil bernama godang (besar/dewasa) bergelar menteri.

25. Douglas sebelum itu telah membuat laporan tentang krisis perlantikan Datuk Muda Linggi kepada pihak atasannya pada 16 Ogos 1893. Dalam laporan itu Douglas yang menyatakan pandangan yang serupa seperti yang dimaklumkannya kepada para hadirin pada hari istiadat perlantikan itu (Rujuk file SSNS/SU. ANM Misc. 1134/93).

26. Mohamad Ali bin Dahlan dalam laporan penyelidikan ini tidak memberi keterangan lanjut tentang mengapa berlaku perubahan ini dan juga tidak menyatakan mengapa ‘nenek moyang’ orang Linggi menetapkan bayaran mas kahwin sebanyak \$48.00.